

# KERATAN AKHBAR

**27 MAC 2014  
(KHAMIS)**

Disediakan oleh

**UK** UNIT  
KOMUNIKASI  
KORPORAT

# Beria-ia ajak gadis lari rupanya sudah dinoda

**Segamat:** Tindakan seorang buruh kasar bersungguh-sungguh mengajak teman wanitanya yang juga gadis tempatan berusia 15 tahun lari ke negara asalnya di Indonesia akhirnya membongkar perbuatan keji lelaki berkenaan yang sebenarnya sudah merogol gadis bawah umur itu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Segamat Deputy Superintendent M Anuar Ismail berkata, sebelum melarikan diri, lelaki berkenaan sempat memasukkan sejumlah wang ke dalam akaun ibu mangsa sebagai dorongan kepada mangsa mempersiapkan diri pergi ke Indonesia.

Katanya, mangsa keluar dari rumah pada jam 7 pagi, 23 Mac lalu, kerana ingin

mengeluarkan wang yang diberi teman lelakinya berusia 27 itu sambil ditemani dua ibu saudaranya.

“Ibu saudaranya bagaimanapun berpisah dengan mangsa di Jalan Station, di sini, dan pulang ke rumah masing-masing kira-kira jam 10 pagi hari yang sama.

“Gadis itu menyatakan kepada ibu saudaranya ingin berjumpa dengan teman lelaki dan menyuruh mereka pulang terlebih dulu selain sempat berpesan supaya mereka jangan risaukan keselamatanannya,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurut M Anuar, keluarga mangsa yang gagal menghubungi telefon bimbit anaknya itu selepas tidak pulang hingga ke tengah malam bertindak membuat la-

poran berhubung kejadian itu di Balai Polis Segamat, di sini.

“Bapa gadis berkenaan yang berusia 46 tahun membuat laporan polis berhubung kehilangan anaknya pada jam 1 pagi, 24 Mac lalu, selepas gadis itu tidak pulang ke rumah dan gagal dihubungi.

“Anaknya itu dipercayai melarikan diri bersama lelaki berkenaan kerana anaknya pernah memberitahu saudara terdekatnya dia mahu mengikuti teman lelakinya beberapa hari sebelum menghilangkan diri,” katanya.

Menurutnya, susulan laporan itu, polis melancarkan operasi mengesan mangsa dan teman lelakinya sebelum mereka ditahan di Terminal Larkin, Johor Bahru,



**LELAKI** warga Indonesia yang ditahan.

sehari selepas laporan polis dibuat.

“Siasatan awal mendapati gadis itu menjadi mangsa rogol teman lelakinya yang ju-

ga warga Indonesia di sebuah rumah kongsi dekat kilang batu-bata sekitar Redong pada malam 23 Mac lalu.